

SURAT SETUJU TERIMA PERKHIDMATAN KEPAKARAN

Rujukan Kami : MPC.100-14/1/21

Tarikh : 17 Mac 2021

BMPRO Solutions
No 18A, Jalan Jimat 25/87,
Seksyen 25 Tamn Sri Muda,
40400 Shah Alam,
Selangor
(U.P : Tuan Haji Kamaruzaman Bin Jahidin)

Tuan,

LANTIKAN PERKHIDMATAN PENCERAMAH SESI WEBINAR MPC PANTAI TIMUR: PENDIGITALAN MENINGKATKAN PRESTASI SYARIKAT TARIKH PROGRAM: 15 APRIL 2021

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebutharga syarikat puan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia : Lima Ratus sahaja (RM500.00)**

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam Surat Pekeliling KP MPC Perkhidmatan Kepekaran dan Elaun Lain Bagi Bukan Penjawat Awam, serta berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pegawai program ***(Rujuk Term Of References (TOR))***
3. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat atau pihak tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan.

4. Syarikat atau pihak tuan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat atau tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat atau tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;

- (c) syarikat atau tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat atau tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat atau tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat atau tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat atau tuan gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran TOR**
- (h) syarikat atau tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
- (i) syarikat puan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah atau tuan/puan telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat atau tuan digulungkan;
- (k) syarikat atau tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat atau tuan gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat atau tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa atau menaikkan nilai

tawaran; atau

- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

5. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggung terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan/puan termasuk kerugian masa hadapan.

6. Syarikat atau tuan berhak menolak tawaran sekiranya tidak bersetuju dengan harga atau terma yang telah diberikan oleh pegawai program. Sila maklumkan emel penolakan kepada Unit Perolehan dengan emel kepada Pn Wan Khairunnisa Azmi: khairunnisa@MPC.gov.my atau Cik Jennifer Kavithambigai Panir Silvam: jennifer@mpc.gov.my dalam **tempoh tujuh (7) hari**.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MAHADI HASBULLAH)

Pengurus Kanan
Unit Perolehan
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

LAMPIRAN 2

Pihak syarikat setuju dan mengambil maklum bahawa :

1. Segala urusan mengenai pembayaran yuran perkhidmatan kepada penceramah (pembekal perkhidmatan) akan diuruskan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);
2. Penceramah akan bekerjasama dan memberikan sepenuh komitmen kepada perkhidmatan yang dilantik dan peserta menerima manfaat yang optimum daripada program yang ditawarkan;
3. Penceramah juga bersetuju untuk mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh MPC seperti berikut:
 - a. Menyediakan slide persembahan minimum 10 muka surat;
 - b. Slide perlulah berkaitan dengan tajuk yang diberikan;
 - c. Jumlah masa bagi program adalah 1 jam termasuk persembahan dan soal jawab Ketika program.
4. Penceramah perlu mematuhi jadual program yang telah dipersetujui dan perlu memaklumkan sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum program jika tidak dapat teruskan;
5. Pihak MPC tidak akan menanggung sebarang tuntutan kos seperti penggunaan peralatan IT, penginapan atau perkhidmatan data internet.
6. Sekiranya program tidak dapat ditamatkan dalam tempoh masa yang telah dipersetujui disebabkan ketidakpatuhan penceramah, satu surat makluman akan dikemukakan kepada MPC untuk tujuan peringatan.